# MUZIUM PERAK
Muzium Pertama di Malaysia

## *PERAK MUSEUM*
*First Museum in Malaysia*






# 1 PENGENALAN
## *INTRODUCTION*

Muzium Perak merupakan antara institusi muzium yang terawal dibina di Asia Tenggara dan pertama di Malaysia. Muzium ini mempamerkan koleksi dan maklumat sejarah, kebudayaan serta alam semula jadi negara ini. Idea penubuhan Muzium Perak dicetuskan oleh Sir Hugh Low, Residen British ketiga di negeri Perak. Penubuhan muzium ini ketika itu sangat penting sebagai pusat pengumpulan dan penyelidikan adat resam serta budaya masyarakat tempatan bagi memudahkan pihak British mengenali dan memahami sosio budaya masyarakat di negara ini.

*The Perak Museum was amongst the earliest museum in Southeast Asia and the first museum in Malaysia. It showcases collections and information on the country's history, culture and natural environment. The idea for the establishment of the Perak Museum was mooted by Sir Hugh Low, the third British Resident in Perak. It was built as a centre for the collection and research of the local culture, tradition and practices to enable the British to learn and understand about the society and culture of the people of this country.*

# 2 KOLEKSI
## COLLECTION

Kebanyakan koleksi terawal Muzium Perak ialah bahan-bahan etnologi dan antropologi. Kemudian, koleksi geologi, botani dan entomologi menjadi spesimen tambahannya. Antara koleksi terunggul Muzium Perak ialah koleksi tembikar yang kebanyakannya telah berusia lebih 100 tahun. Kebanyakan hasil buatan tembikar tersebut seperti labu, geluk, kendi dan terenang amat halus buatannya dan mempunyai nilai estetika. Koleksi skeleton haiwan seperti gajah, kuda, monyet, buaya, ular dan banyak lagi pula sangat menarik kerana bersifat lengkap dan merupakan koleksi terawal Muzium Perak.

Antara koleksi Orang Asli yang unik ialah  sebuah tabung damak koleksi awal kurator Inggeris I.H.N.Evans. Turut dipamerkan koleksi peralatan cutam yang dihasilkan melalui proses pengoksidaan logam perak, tembaga dan plumbum. Ia merupakan hadiah peribadi Sir Frank Swettenham dan Raja negara Siam Raja Chulalongkorn.

*Most of the Perak Museum's earliest collections comprised of ethnology and anthropology artefacts; geological, botanical and entomological specimens were later added to the collection. Amongst the museum's prominent collections is the pottery collection, most of which are over 100 years old. Most of the pottery, such as the labu, geduk, kendi and terenang are finely crafted and possess their own respective aesthetic values. The animal skeleton such as elephant, horse, monkey, crocodile, snake and many others are also particularly interesting as they are complete form and among the Perak Museum's earliest collections.*

*Among the unique collection of Orang Asli is a blow pipe dart containers, early collection of English curator I.H.N.Evans. There are also on display a collection of nielloware (cutam) produced through a process of oxidation of silver, copper and lead, which was personal gifts of Sir Frank Swettenham and by Siamese government during the reign of King Chulalongkorn.*



# 3 GALERI
## GALLERY

Muzium Perak mempunyai empat galeri utama. Galeri A menempatkan pameran sementara atau khas. Manakala, Galeri B (Galeri Alam Semula Jadi) mempamerkan koleksi pelbagai rangka haiwan dan awetan serta spesimen entomologi dan flora.

Galeri C (Galeri Kebudayaan) mempamerkan pelbagai koleksi khazanah warisan kebudayaan yang mempunyai nilai-nilai estetika khususnya koleksi kebudayaan negeri Perak seperti seni tekatan, tekstil, seni pertukangan logam dan seni anyaman. Manakala, Galeri D (Galeri Kebudayaan Orang Asli dan Tembikar mempamerkan koleksi sosiobudaya masyarakat Orang Asli dan koleksi tembikar seluruh negeri di Malaysia.

Muzium Perak juga mempunyai pameran luar yang menarik seperti pesawat F-86 Avon Sabre Jet buatan Australia, kereta kuda British, Kubur batu purbakala, Koc kereta api pertama dan sebagainya.

*The Perak Museum houses four main galleries. Gallery A houses the temporary or special exhibitions. Gallery B namely the Natural History Gallery displays the earliest collection of various types of animal skeletons, embalmed animals as well as the entomology and floral specimens.*

*Gallery C, the Gallery of Culture showcases the aesthetical collection of Perak cultural heritage particularly embroidery, textiles, metalwork and weaving. Meanwhile, Gallery D - the Aboriginal Culture and Pottery Gallery features the Orang Asli's socio-cultural collection and the collection of pottery from Malaysia.*

*The Perak Museum also has an outdoor exhibition featuring the Australian-made F-86 Avon Sabre Jet, a British horse carriage, Ancient slab grave, Perak State railway coach and many others.*




JENIS-JENIS LABU TRADISIONAL
PERHIASAN DIRI
ADAT PERKAH
MAGIS & KEPERCAYAAN

# PETA LOKASI
*Location Map*






**PENGANGKUTAN**
*GETTING HERE*

Pengunjung boleh menaiki teksi dari Terminal Bas Kamunting dan Stesen Bas Taiping. Papan tanda juga disediakan di sepanjang jalan dari susur keluar lebuhraya PLUS Taiping Utara dan Changkat Jering.

*By taxi from the Kamunting Bus Terminal and Taiping Bus Station. The signboard is also provided along the way from Taiping Utara PLUS and Changkat Jering exit.*

Imbas QR Code
*Scan QR Code*

## HARI DAN MASA LAWATAN
*VISITING HOURS*

9.00 pagi hingga 5.00 petang
(Pelawat terakhir masuk pukul 4.30 petang)

Muzium ditutup pada:
- Setiap hari Isnin pertama setiap bulan.
- Hari pertama dan kedua Hari Raya Aidilfitri
- Hari pertama Hari Raya Aidiladha

*Daily 9.00am to 5.00pm*
*(Last admission at 4.30pm)*

*Museum is closed on:*
- *The first Monday of each month*
- *First and second day of Aidilfitri*
- *First day of Aidiladha*

## ALAMAT
*ADDRESS*

Muzium Perak / *Perak Museum*
Jabatan Muzium Malaysia
Jalan Taming Sari, 34000 Taiping, Perak

Tel : 605 - 807 2057 / 808 0145
Fax : 605 - 806 3643
Email : muziumperaktaiping13@gmail.com
Face Book : muziumperaktaipingrasmi
Instagram : muziumperaktaiping
Laman Web : www.jmm.gov.my

# TARIKAN BERHAMPIRAN
*NEARBY ATTRACTION*

Bukit Larut
Taman Tasik Taiping
Zoo Taiping & Night Safari
Taman Botani Perak

*Larut Hill*
*Taiping Lake Garden*
*Taiping Zoo & Night Safari*
*Perak Botanical Gardens*

# BAYARAN MASUK
*ENTRANCE FEES*

| **WARGANEGARA / *CITIZENS*<br>MyKad / Kad Pesara<br>MyKad / *Pension Card*** | **KATEGORI<br>*Category*** | **WARGA ASING<br>*Foreigner*** |
|---|---|---|
| **RM2.00** | Dewasa / *Adult*<br>Kanak-kanak 12 tahun ke atas<br>*Children 12 years old and above* | **RM5.00** |
| **PERCUMA** | Kanak-kanak 6-12 tahun<br>*Children 6-12 years old* | **RM2.00** |
| **RM1.00** | Warga Emas / OKU<br>*Senior Citizens / Disable Person* | **NOT APPLICABLE** |
| **PERCUMA** | Pelajar Sekolah (Beruniform)<br>*Students (in uniform)* | **NOT APPLICABLE** |
| | Ahli *International Council of Museum* (ICOM)<br>*Member of International Council of Museum (ICOM)* | **FREE** |



Rangka Gajah
*Elephant skeleton*

**JABATAN MUZIUM MALAYSIA**
**Jalan Damansara, 50566 Kuala Lumpur**
**Tel : 03 - 2267 1000 | Faks: 03 - 2284 9130**

**Sila kembalikan risalah ini jika tidak memerlukannya**
*Please return this leaflet if you have no further use*